

20/05/1997

Telekom meterai dua MoU majukan teknologi

Karim Sulaiman in London

LONDON, Isnin - Telekom Malaysia Berhad dan Kumpulan GEC-Marconi hari ini, menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) yang disifatkan Perdana Menteri penting dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi maju untuk rangkaian telekomunikasi dunia.

MoU itu yang merangkumi sistem penggunaan multimedia akan digunakan bukan saja untuk keperluan tempatan, malah seluruh dunia.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas menyaksikan majlis itu, berkata kerjasama itu penting dalam pemindahan teknologi, terutama yang berkaitan dengan program Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dua MoU yang ditandatangani di GEC-Marconi Materials Technology Limited di Caswell, kira-kira 100 kilometer dari sini, masing-masing membabitkan Telekom Malaysia dengan Marconi SpA dan GEC-Marconi Ltd.

MoU itu ditandatangani Ketua Eksekutif Telekom Malaysia, Datuk Mohd Said Mohd Ali dan Pengarah Urusan Marconi SpA, Dr Sandro Gualano.

Turut menyaksikan majlis itu ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie dan Pengarah Urusan Kumpulan GEC, George Simpson.

MoU dengan Marconi SpA membabitkan kerjasama penyelidikan dalam penggunaan 'optical amplifier' yang dibangunkan oleh Telekom Malaysia dan dihasilkan di kilang Marconi Sdn Bhd di Kulim.

Kerjasama itu membabitkan pelaburan kira-kira RM40 juta dalam tempoh lima tahun dengan pembabitan tenaga kepakaran daripada kedua-dua pihak.

Pengarah Urusan Jabatan Pembangunan dan Penyelidikan Telekom, Dr Zainal Aripin Zakariah, berkata projek itu akan menghasilkan 'optical amplifier' terbaik di dunia.

Sementara itu, pengalaman dan kepakaran syarikat Britain dalam teknologi maklumat (IT) penting dan sangat berguna untuk pembangunan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

Sehubungan itu, syarikat Britain yang bercadang melabur di Asia, perlu menimbangkan secara serius untuk melabur di Malaysia, mengikut satu laporan Jabatan Perdagangan dan Industri (DTI) Britain.

DTI dalam laporan sektornya bagi Malaysia di bawah tajuk 'MSC - Teknologi Maklumat,' menyatakan kepakaran syarikat Britain dalam bidang komunikasi dan penyiaran; penggunaan IT; pengurusan projek dan teknologi berkaitan dapat membantu Malaysia menggerakkan MSC.

Menurut laporan itu, syarikat Britain tidak perlu bimbang untuk melabur dalam MSC kerana kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan komitmen tinggi.

(END)